



PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 8 TAHUN 2024

**PENAMBAHBAIKAN STRUKTUR ORGANISASI DAN TADBIR URUS
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
- PENUBUHAN PUSAT IHSAN UMT (UMT IHSAN)**

Tujuan

1. Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai penambahbaikan struktur organisasi dan tadbir urus Universiti Malaysia Terengganu (UMT) melalui penubuhan Pusat Ihsan UMT (UMT Ihsan).

Latar Belakang

2. Sebagai sebuah universiti yang dinamik dan berdaya saing, UMT perlu memastikan struktur organisasi dan fungsinya yang menjadi asas kepada tadbir urus yang cemerlang sentiasa dikemas kini dan relevan dengan keperluan semasa.

Penubuhan UMT Ihsan

3. Selaras dengan perkembangan semasa Universiti serta tuntutan keperluan pelbagai pihak dan pemegang taruh, Jawatankuasa Pengurusan Universiti dalam mesyuaratnya Kali Ke-301 (Bilangan 11 Tahun 2024) bersetuju meluluskan penubuhan Pusat Ihsan UMT (UMT Ihsan). Pusat ini merupakan pusat tanggungjawab (PTj) Tier 1 dan ditempatkan di bawah portfolio Naib Canselor.
4. Secara umumnya, UMT Ihsan ditubuhkan bertujuan untuk meningkatkan sinergi bagi aktiviti endowmen, wakaf, pendanaan dan penjanaan universiti yang pada masa sekarang berada di dua PTj yang berbeza iaitu Pejabat Bendahari dan Pusat Islam Sultan Mahmud (PISM). Di samping itu, penubuhan pusat ini juga dijangka dapat meningkatkan jumlah penjanaan pendapatan universiti selari dengan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan oleh pihak Kementerian.

5. Susulan penubuhan UMT Ihsan, PISM akan memberi fokus sepenuhnya kepada aktiviti pengimarah dan pembangunan syiar. Oleh itu, hierarki PISM sebagai PTj Tier 1 ditukar kepada PTj Tier 2 di bawah portfolio Canselori.
6. Carta organisasi UMT terkini adalah seperti di **Lampiran 1**.

Tarikh Kuat Kuasa

7. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa pada **1 Disember 2024**. Sehubungan itu, seluruh warga UMT dimohon untuk mengambil maklum mengenai penubuhan Pusat Ihsan UMT (UMT Ihsan).

"KEBERSAMAAN UMT"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


Ts. WAN ABDUL MANAN BIN WAN ABDULLAH
Pendaftar
Universiti Malaysia Terengganu

CARTA ORGANISASI – UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Tarikh Kemas kini : 1 Disember 2024

Lampiran 1

